

CHE NORMA NORIATI TAHIR;

WANITA DAN PEMBANGUNAN
PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN PERINGKAT
KAMPUNG
(SATU TINJAUAN KE ATAS KAMPUNG PENGKALAN
BERANGAN, MUKIM JERONG, MARANG, TRENGGANU)

OLEH

NO. MATRIK 035038

LATIHAN ILMIAH PAGI MEMENUHI
SEPAHAGIAN DARIPADA SYARAT S ARAT
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1981/82

KANDUNGAN

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
(1) PENGHARGAAN	i
(2) SINOPSIS	ii
(3) LAMPIRAN PETA	iii
<u>PENDAHULUAN</u>	1-13
(a) TUJUAN KAJIAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	1
(b) BIDANG KAJIAN	2- 3
(c) METODE KAJIAN	3- 6
(d) KESULITAN DALAM KAJIAN	6- 8
(e) KONSEP PERANAN WANITA	8-11
(f) DEFINISI KERJA	11-13
<u>BAB 1</u>	
<u>LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN RESPONDEN</u>	
(a) KAWASAN KAJIAN	14-16
(b) MASYARAKAT YANG DIKAJI	16-18
(c) LATAR BELAKANG RESPONDEN	18-23
<u>BAB 2</u>	
<u>PERANAN WANITA DALAM KEGIATAN EKONOMI</u>	
(a) EKONOMI BERCORAK PERTANIAN	24-31
(b) EKONOMI YANG BERCORAK BUKAN PERTANIAN	31-33

(c) PENDAPATAN	33-37
(1) PERBELANJAAN	33-34
(11) SIMPANAN	34-37

BAB 3

PERANAN WANITA DARI SISI SOSIAL

(a) PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DALAM RUMAHTANGGA	38-42
(b) PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DI LUAR RUMAHTANGGA	42-51

BAB 4

FAKTOR YANG MEMBOLSKAN DAN MEMCHALANG WANITA TERLIBAT DALAM AKTIVITI EKONOMI DAN SOSIAL

(1) UMUR	52-54
(11) TARAF PERKAHWINAN	54
(111) BILANGAN ANAK	55-56
(1v) PENDAPATAN SUAMI	56-59

BAB 5

KESIMPULAN	60-64
------------	-------

TYPOGRAPHY

LANPIRAN SOAL SELIDIK ATAU SUBJULUS

PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya iaitu Drs Rokiah Talib yang bertindak sebagai Penyelia semasa kajian ini dijalankan.

Pengkaji juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada Encik Albert Gomez dan juga kepada Puan Azizah Kassim, kedua-duanya Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya yang mengambil alih tempat Drs Rokiah Talib apabila beliau bercuti ke Hawaii.

Jutaan terima kasih juga diberikan kepada Penolong Pegawai RISDA Negeri Trengganu, Encik Rahim Hamsah, Pegawai RISDA Daerah Marang, Encik Zakaria Md Zain dan kakitangan-kakitangan RISDA negeri dan daerah yang banyak membantu didalam kajian ini. Begitu juga dengan penduduk-penduduk kampung yang banyak memberi pertolongan semasa kajian ini dijalankan.

Akhir sekali pengkaji amat terutang budi kepada kaum keluarga dan juga rakan-rakan yang banyak memberi dorongan bagi menjayakan kajian ini.

WASSALAH

No. Matrik 035038

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,

November, 1981

SINOPSIS

Kajian ini membincangkan peranan wanita dalam pembangunan terutama diperingkat kampung. Ini berdasarkan pada kerja luar yang dijalankan di Kampung Pengkalan Berangan yang terletak di Daerah Marang, Trengganu. Kerja luar ini dijalankan selama lima minggu iaitu dari 23hb. Mac hingga 1hb. Mei, 1981. Bab pendahuluan menerangkan tujuan kajian, kepentingan kajian, bidang kajian, kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa menjalankan kajian, konsep peranan wanita dan definisi kerja. Bab pertama memperkenalkan kawasan kajian dan latar belakang responden. Sementara bab kedua menghuraikan peranan wanita dalam kegiatan ekonomi. Dalam bab kedua ini diterangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi bercorak pertanian dan ekonomi yang bercorak bukan pertanian. Ekonomi yang bercorak bukan pertanian ialah berkedai, membuat kueh-mueh untuk jualan, menganyam tikar dan berjaja. Dalam bab ketiga diterangkan berkenaan dengan peranan wanita dari segi sosial iaitu peranan dan penglibatan wanita dalam rumah tangga dan peranan mereka di luar rumah. Dalam bab keempat memperkatakan tentang faktor yang membolehkan dan yang menghalang wanita terlibat dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Faktor-faktor ini termasuk umur, taraf perkahwinan, bilangan anak dan pendapatan suami. Bab yang terakhir sekali ialah kesimpulan dari kajian yang dibuat. Ini disertai dengan sedikit sebanyak buah fikiran dari pihak pengkaji tentang kawasan yang dikaji.



LAMPIRAN PETA

PENDAHULUAN

(a) TUJUAN KAJIAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memastikan sejauh manakah kegiatan wanita dijalankan di kampung-kampung dan disamping itu cuba pula dilihat apakah sumbangan yang dapat mereka berikan disebalik kesibukan mereka sebagai suri rumah tangga.

Pengkaji juga ingin melihat adakah kaum wanita melibatkan diri di dalam membuat keputusan yang bersabit dengan perbelanjaan dan simpanan. Disamping itu ingin juga dilihat setakat manakah penglibatan wanita dalam membuat keputusan di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pertanian, penanaman modal, pengeluaran dan pemasaran.

Akhir sekali pengkaji ingin melihat bagaimanakah kaum wanita membahagikan masa di dalam urusan rumah tangga mereka disamping menolong suami meringankan tanggungan keluarga. Dalam lain perkataan bagaimanakah kaum wanita membahagikan masa memenuhi tanggungjawab sebagai seorang ibu dan isteri dalam membantu suami menampung perbelanjaan keluarga.

Dengan kajian ini dapatlah pengkaji mengetahui apakah beban yang ditanggung oleh surirumah. Ia dapat menggambarkan betapa beratnya tanggungan kaum wanita disamping berkewajipan menguruskan rumah tangga terpaksa pula membantu suami untuk menampung perbelanjaan harian.

(b) BIDANG KAJIAN

Kepentingan sumbangan kaum wanita terhadap rumah-tangga hanya dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh mereka sendiri. Ini kerana peranan yang dimainkan itu dapat pula mempengaruhi status mereka dalam masyarakat.

Wanita yang menjadi tumpuan pengkaji ialah wanita luar bandar atau wanita kampung yang telah berkahwin dan juga anak-anak gadis. Ini memandangkan kepada keadaan dimana wanita-wanita ini banyak memainkan peranan yang penting samada di dalam rumah ataupun di luar rumah dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan suami dan juga memenuhi masa lapang dan menambahkan pengetahuan.

Bidang ekonomi dan sosial lebih diambil berat oleh pengkaji. Tumpuan dilakukan ke atas soal-soal yang bersabit dengan jenis pekerjaan yang dilakukan. Yang bercorak pertanian seperti memuai padi, menanam padi, menjemur padi dan juga penanaman getah. Yang bukan bercorak pertanian pula ialah hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan, menganyam tikar dan lain-lain yang dapat memberi sumbangan di dalam ekonomi terutama sekali di dalam menambahkan pendapatan keluarga.

Pengkaji juga melihat bilekah waktunya kaum wanita tersebut menjalankan aktiviti-aktiviti mereka itu, samada di waktu pagi atau petang ataupun di lain-lain waktu. Pengkaji melihat berapakah jumlah dalam sehari dan berapa bulan dalam setahun mereka telah menggunakan tenaga mereka dalam bidang tersebut.

Di dalam rumah tangga, perkara yang menjadi tumpuan ialah hal yang bersabit dengan kerja harian wanita seperti memasak, membasuh, menjaga anak-anak, mengambil air, berkemas rumah dan sebagainya. Ia juga berkaitan dengan gotong royong iaitu derau, kumpulan 'kutu' dan lain-lain yang berhubung dengan kegiatan sosial di luar rumah.

Akhirnya, pengkaji mahu menganalisa tentang sikap atau pandangan masyarakat terhadap kaum wanita yang bekerja. Iaitu samada si suami itu lebih suka isterinya bekerja di bendang atau hanya di rumah sahaja. Bagi si isteri pula adakah mereka lebih suka bekerja di bendang atau di rumah atau kerja-kerja lain jika ada pilihan.

(c) METODE KAJIAN

Kajian luar bermula dari 23hb. Mac hingga 1hb. Mei, 1981. Pengkaji telah tinggal di Kampung Pengkalen Berangan sehingga kajian selesai dijalankan. Dalam menjalankan kerja luar ini, pengkaji telah menggunakan berbagai-bagai metode kajian untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan. Ini adalah kerana sesuatu keadaan masyarakat itu mungkin memperlihatkan 'response' yang berbeza dengan masyarakat yang lain. Hakikat ini bergantung kepada faktor-faktor seperti taraf pendidikan, sikap masyarakat dan juga perkara yang hendak dikaji. Gabungan cara kajian secara teori dan kerja luar merupakan cara yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih dekat dan jelas tentang latar belakang dan keadaan tempat yang dikaji.

(1) SOAL SELIDIK

Soal selidik merupakan cara yang pertama yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam membuat kajian ini. Jadual dan soal selidik ialah dua alat penting kepada pengkaji dalam mendapatkan data-data.

Jadual dan soal selidik merupakan tindakan pengkaji menyoal soalan-soalan yang disediakan dan kemudiannya mencatat sendiri jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden. Terdapat dua bentuk soalan yang dikemukakan iaitu soalan 'structured' atau soalan tertutup dan soalan 'unstructured' atau soalan terbuka.

Kajian soal selidik ini dijalankan dari rumah ke rumah iaitu semasa responden pulang dari bekerja. Seramai empat puluh enam responden telah disoal dan diselidik.

(11) PEMERHATIAN

Cara kedua ialah pemerhatian. Ia dilakukan semasa pengkaji menziarahi dari rumah ke rumah untuk melakukan kajian. Didapati juga semasa pengkaji sama-sama menjalankan aktiviti harian yang dijalankan oleh penduduk-penduduk kampung. Semasa pemerhatian inilah pengkaji mencatat apa yang dilihat. Pemerhatian juga bertujuan untuk menguatkan lagi kebenaran jawapan yang diberikan oleh responden ketika di-

temubual iaitu adakah jawapan itu berpadanan dengan keadaan yang sebenar atau sebaliknya. Menyerusi pemerhatian juga dapat dilihat gambaran yang lebih jelas bagaimana kaum wanita menjalankan tugas mereka.

(iii) PERBUALAN

Cara yang ketiga ialah dengan mengadakan perbualan secara 'informal interview' ini amat perlu sekali untuk melengkapkan maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan yang tidak dapat dipenuhi dengan kajian secara schedule. Dengan membiarkan responden memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara secara 'informal', kadangkala mereka akan memberi maklumat yang kemungkinannya tidak akan dikeluarkan secara sedar. Pengkaji juga merasa bahawa responden lebih suka bercakap dan berbual daripada mengisi soalan soal selidik. Dari sudut lain, perbualan dapat juga mewujudkan hubungan yang mesra di antara pengkaji dengan responden. Situasi yang seumpama ini nyata sekali penting untuk mendapatkan data-data yang tepat.

Salah satu perkara yang penting dalam menggunakan metode ini kerana ia lebih 'flexible'. Dalam ertikata lain pengkaji dapat mengemukakan soalan kembali sekiranya terdapat keraguan terhadap sesuatu jawapan.

Juga boleh dikatakan bahawa corak perhatian dan temubual ini boleh menguatkan pendapat mengenai satu-satu perkara atau keadaan yang berdasarkan pada pemerhatian.

(iv) RUJUKAN PERPUSTAKAAN

Selain daripada ketiga-tiga metode yang digunakan, pengkaji juga memasukkan metode rujukan perpustakaan. Ini semata-mata untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lanjut lagi tentang tajuk-tajuk yang hendak dikaji. Disamping itu ia berfungsi sebagai panduan kepada pengkaji untuk mendapatkan penerangan yang lebih tepat tentang pembangunan sosio ekonomi dan peranan serta penglibatan yang dimainkan oleh kaum wanita.

(d) KESULITAN DALAM KAJIAN

Semasa menjalankan kajian, pengkaji menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Tempat kajian ini belum pernah lagi dilawati oleh pengkaji. Ini membuatkan pengkaji tidak tahu ke arah mana hendak dituju bagi memulakan kajiannya.

Kedudukan diantara sebuah rumah responden dengan sebuah rumah responden yang lain sangatlah jauh iaitu kira-kira sepuluh minit perjalanan. Ini melambatkan pergerakan pengkaji. Keadaan kampung yang menjadi tumpuan pengkaji juga menimbulkan kesulitan kepada pengkaji. Tiada bekalan air yang terdapat di kampung ini. Oleh itu pengkaji terpaksa menggunakan air perigi yang berlumpur dan dalam. Adakalanya air perigi kekeringan disebabkan oleh musim kemarau. Oleh itu pengkaji terpaksa mandi dengan menggunakan air sungai. Sementara itu perkhidmatan bas pula amat menyulitkan iaitu sebuah setiap satu jam.

Pengkaji juga menghadapi kesulitan untuk menemui responden kerana kebanyakan daripada responden bekerja dari pukul enam pagi hingga ke pukul enam petang. Pada malamnya pula sudah tentulah mereka ini letih dan mereka tidur selepas sahaja mengerjakan sembahyang Isyak. Jadi ini tidak memberi peluang dan masa kepada pengkaji untuk menemu-mual mereka.

Terdapat juga responden yang tidak bekerjasama dengan pengkaji. Pernah pada satu ketika pengkaji telah dimaki hamun oleh responden disertai dengan sindiran-sindiran yang tajam yang menyentuh hal-hal peribadi pengkaji. Apabila ditanya berkenaan dengan harta benda responden, mereka cuba menyembunyikan atau memberi jawapan yang bertentangan dengan keadaan yang sebenar. Ini terbukti apabila ditanya pada jiran-jiran tentang latar belakang mereka dan juga melalui pemerhatian pengkaji selama lima minggu tinggal bersama-sama mereka. Ini menyulitkan pengkaji untuk mendapatkan data-data yang tepat berkenaan dengan diri responden. Selain daripada responden, penghulu kampung juga sukar untuk dihubungi bagi mendapatkan latar belakang mengenai kampung. Perkara ini terjadi disebabkan oleh penghulu kampung itu tinggal di tempat lain. Jadi beliau jarang berada di kampung itu. Untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kampung, pengkaji terpaksa berutus surat dengan penghulu dan kadang-kala berulang alik ke rumahnya.

Terdapat responden-responden yang tidak memahami soalan-soalan yang dikemukakan. Oleh itu pengkaji terpaksa menerangkan dengan panjang lebar. Ini menyebabkan sedikit sebanyak termasuk juga buah fikiran pengkaji di dalam jawapan yang diberikan oleh pihak responden.

(e) KONSEP PERANAN WANITA

Terdapat beberapa kontroversi tentang persoalan mengenai peranan wanita seperti yang dikemukakan oleh Friedel (1975) dalam bukunya Women And Men: Anthropologist View. Ada pendapat yang mengatakan bahawa perbezaan dari segi biologi dan psikologi diantara wanita dengan lelaki adalah menjadi sebab-sebab yang berkesan dalam pembahagian tugas-tugas dan hak dikalangan wanita dan lelaki dalam semua masyarakat. Pendapat yang lain pula menyarankan bahawa peranan jantina adalah satu fungsi yang bukan merupakan satu warisan biologi tetapi berdasarkan pada keadaan-keadaan sosio-budaya.

Aliran pemikiran yang berorientasikan biologi ini seterusnya menyarankan bahawa jika terdapat ciri-ciri sosio-budaya yang sama dalam semua masyarakat maka persamaan-persamaan ini terjadi atau terjelma hasil daripada faktor-faktor genetik. Menurut aliran ini lagi terdapat garis perbezaan yang mengatakan peranan yang dilakukan oleh wanita dan lelaki. Dengan lain perkataan, pembahagian tugas berdasarkan pada seks atau jantina merupakan satu perkara yang universal yang juga terdapat dikalangan masyarakat primitif, yang mana aktiviti seperti berperang, memburu dan membina

tempat kediaman adalah biasanya didefinisikan sebagai 'masculine' manakala aktiviti-aktiviti yang melibatkan penjagaan anak-anak, memasak, pertukangan tangan dan lain-lain kerja yang melibatkan rumahtangga adalah dianggap sebagai 'feminine' (Seward. Williamson, 1970:4). Pandangan yang serupa juga telah disarankan oleh Laws (1979:86) dimana beliau mengatakan bahawa:

'This complex of roles constitutes the normal expectation of adult women in society or 'the' female sex role. Sex role ideology specifies different ways for women and men to participate in all institutional spheres of society'.

Peranan wanita adalah hanya berunsur 'domestic' iaitu dalam lingkungan rumahtangga sahaja. Wanita adalah hanya bertanggungjawab dalam penjagaan anak-anak dan penyediaan makanan dan bukannya dalam memburu binatang liar ataupun mengerjakan kerja-kerja berat di luar rumah. Peranan utama wanita ialah dalam pengurusan rumahtangga dan keluarga. Ini disebabkan oleh peranannya sebagai ibu yang menentukan corak kehidupan seseorang wanita itu dan ini merupakan faktor yang penting dalam memahami peranan sosial.

Walaupun bagaimanapun aliran pemikiran yang kedua juga berpendapat bahawa terdapat perbezaan diantara peranan wanita dengan lelaki, tetapi menurut mereka perbezaan-perbezaan ini bukanlah suatu yang rigid. Mereka menyarankan bahawa di dalam setengah-setengah

masyarakat terdapat wanita yang turut serta dalam politik seperti dalam masyarakat Iroquois di Amerika Utara dan setengah daripada masyarakat di Afrika. Wanita juga menurut mereka lagi telah pernah menjadi Perdana Menteri seperti di Israel, Sri Lanka dan pada masa kini di India dan Britain. Dari segi perdagangan dan juga kerja-kerja pertukangan, wanita tidak ketinggalan memainkan peranan seperti yang terdapat dikalangan masyarakat Afrika Barat.

Meraka bersetuju dengan aliran pemikiran ini juga berdasarkan perbincangan mereka pada faktor-faktor biologi tetapi cara mereka menginterpretasikannya adalah berlainan. Mereka menyarankan bahawa variasi-variasi yang terdapat di dalam aktiviti dan pola-pola perlakuan dikalangan manusia adalah terjadi kerana perbezaan diantara anatomi dan fisiologi mereka bukanlah begitu ketara sekali sepertimana yang disarankan oleh kumpulan yang berorientasikan biologi tadi sahaja yang mesti diperhatikan sebagai penentu yang penting dalam peranan jantina. Mereka juga tidak menafikan terdapatnya 'male dominance' dalam semua masyarakat tetapi hakikat ini bukanlah tidak dapat dielakkan atau diubah dan tidak semestinya berkekalan.

Oleh itu kini terdapat dua aliran yang bertentangan. Yang pertama mengatakan bahawa peranan wanita adalah hanya dalam lingkungan keluarga dan rumah tangganya disebabkan sifat-sifat semula jadi wanita bersesuaian dengan peranan yang dilakukan ini sementara aliran kedua pula mengatakan bahawa peranan seperti ini tidak semestinya berterusan kerana boleh

diubahsuai mengikut keadaan sosial atau perkelilingan. Oleh itu tujuan latihan ilmiah ini adalah untuk melihat samada peranan luar bandar di tempat kajian ini boleh diklasifikasikan ke dalam kumpulan yang pertama atau pun yang kedua ini. Tidak dapat dinafikan bahawa kaum wanita di negara ini juga mengalami keadaan yang sama di satu masa dahulu iaitu mereka hanya memumpukan perhatian dan peranan mereka pada aspek keluarga dan rumah tangga sahaja. Tetapi kini keadaan seperti ini telah jauh berubah. Telah ramai kaum wanita kita yang memainkan peranan penting dalam semua aspek samada di dalam bandar mahupun di kawasan luar bandar. Salah satu daripada peranan wanita ialah kerja.

(f) DEFINISI KERJA

Menurut Mc Luhan, seorang pakar sosiologi:

'Work, by its use of nature as a means to satisfy human needs, creates wealth, the value of things'.

(dipetik dari Tilgher, 1958:164)

Sambil itu, Raymond Firth, seorang pakar anthropologi mendefinisikan pekerjaan sebagai satu set perhubungan sosial disamping perhubungan teknologi dan ekonomi kerana menurut beliau,

'Work occurs frequently as group behaviour usually performed by some persons in connections or co-operation with other persons for the benefit of yet still other persons and often involves collective motivation, co-ordination and evaluation'.

(dipetik dari Bryant, 1972:3)

Dalam masyarakat perindustrian moden, kerja di-identifikasikan sebagai cara-cara bagi mendapatkan keselesaan atau kemudahan ataupun kesenangan hidup. Dalam masyarakat simple pula kerja adalah untuk memenuhi keperluan asasi seperti makanan, pakaian, perlindungan dan sebagainya. Dalam masyarakat simple ini setiap individu menggunakan kebanyakan daripada hasil yang dikeluarkan. Kadangkala mereka juga bertukar-tukar hasil pengeluaran mereka bagi memenuhi keperluan asasi mereka. Mereka kurang berinteraksi dengan masyarakat luar.

Pengertian pekerjaan bagi wanita yang telah berumah-tangga tidaklah sama dengan yang dimengertikan oleh wanita yang belum lagi mengalami alam berumah-tangga mahupun oleh kaum lelaki. Ini disebabkan oleh kebudayaan yang telah mempengaruhi pandangan sesuatu masyarakat terhadap pekerjaan. Ramai wanita menganggap iaitu pekerjaan merupakan kerja-kerja yang mendatangkan pendapatan manakala kerja-kerja di dalam rumah-tangga walaupun digunakan perkataan 'kerja' merupakan semata-mata tugas yang semulajadi bagi kaum wanita yang tidak dapat di-pisahkan. Wanita tetap juga melakukan tugas-tugas mereka sebagai isteri, ibu dan suri rumah-tangga berterusan walaupun mereka menjalankan pekerjaan di luar rumah

Menurut Darling (1975:18)

'The pre dominance of agriculture in rural areas means that women do not have the range of alternatives enjoyed by their urban counterparts'.

Seterusnya beliau mengatakan iaitu dalam kes dimana kaum wanita luar bandar atau kampung bekerja, pekerjaan mereka adalah merupakan sebagai 'unpaid family helpers' di ladang-ladang kepunyaan keluarga. Di Kampung Pengkalan Berangan dimana pengkaji membuat kajian, terdapat juga kaum wanita yang mengambil upah bekerja di sawah atau di ladang. Mereka ini diberi upah mengikut bilangan hari mereka bekerja. Selalunya tuan-tuan kebun dan sawah ini terdiri daripada penduduk-penduduk luar dari kampung itu sendiri. Kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum wanita tersebut walaupun ada yang di luar rumah adalah hanya sekadar menambah pendapatan suami dan bukannya pekerjaan yang mendatangkan pendapatan-pendapatan tetap seperti dalam definasi kerja. Pekerjaan yang sering dilakukan oleh responden ialah sebagai 'unpaid family helpers'. Lebih kurang 70% daripada responden terlibat di dalam aktiviti ini.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN RESPONDEN

(a) KAWASAN KAJIAN

Kawasan yang menjadi tumpuan pengkaji ialah Kampung Pengkalan Berangan, Mukim Jerong, Marang, Trengganu. Sebenarnya Mukim Jerong ini terdiri daripada lapan belas buah kampung. Setelah diselidiki kampung-kampung ini, pengkaji mengambil keputusan untuk mengkaji sebuah kampung sahaja iaitu Kampung Pengkalan Berangan. Ini disebabkan oleh kampung ini senang untuk dihubungi jika dibandingkan dengan kampung-kampung lain.

Penghulu Besar bagi Mukim Jerong ialah Encik Omar bin Mohd. Penduduknya seramai 4,991 orang. Lapan orang berbangsa Cina dan selebihnya terdiri daripada orang-orang Melayu.

Kampung Pengkalan Berangan merupakan kampung yang paling maju di Mukim Jerong. Ia terletak lebih kurang dua belas batu dari bandar Marang dan dua puluh dua batu dari bandar Kuala Trengganu. Luas kawasan Pengkalan Berangan ialah 1,200 ekar yang terdiri dari 237 buah rumah dan 251 keluarga. Sebenarnya kawasan kajian ini telah diambil alih oleh pihak RISDA di dalam usaha untuk memajukan petani kecil.

Di Kampung Pengkalan Berangan terdapat jalanraya, masjid, surau, balairaya, bekalan letrik (semenjak dari tahun 1980), Perkhidmatan Pos Bergerak dua kali seminggu (Ahad dan Khamis), enam buah kedai runcit dan sebuah kedai surat khabar yang baru dibuka pada tahun 1981. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, bekalan air paip akan diadakan di Kampung Pengkalan Berangan.

Dari segi latar belakang sejarahnya pula, menurut cerita orang tua-tua disana, kira-kira 60 tahun yang lampau, kampung ini tidak didiami oleh orang. Pada masa itu penduduk-penduduknya tinggal di Kampung Pengkalan Tingkat, berhampiran dengan sungai. Perhubungan orang-orang kampung untuk ke bandar Marang adalah melalui sungai dengan menggunakan perahu jalur. Pada tahun-tahun berikutnya, jalanraya telah dibuat hingga ke sungai Marang, berpengkalan di Berangan. Sebenarnya pengkalan ini merupakan sebuah Pokok Berangan yang besar. Tempat ini telah menjadi maju kerana kedudukannya di tengah-tengah perjalanan. Penduduk Kampung Pengkalan Tingkat telah berpindah ke Kampung Pengkalan Berangan. Tahun demi tahun penduduk-penduduknya menjadi semakin bertambah sehinggalah kampung ini akhirnya diberi nama Kampung Pengkalan Berangan. Ia mengambil sempena Pokok Berangan yang terdapat di tepi sungai yang merupakan alat perhubungan orang-orang kampung pada masa dahulu.

Kedudukan kawasan perumahan di Kampung Pengkalen Berangan ini tidak teratur. Jarak di antara sebuah rumah dengan sebuah rumah yang lain lebih kurang sepuluh menit perjalanan. Walaubagaimanapun terdapat juga rumah-rumah yang dibina berdekatan. Kebanyakan rumah-rumah yang berbentuk begini dipunyai oleh mereka yang ada pertalian darah. Disekeliling rumah ditanam dengan pokok buah-buahan seperti jambu air, ciku dan pisang.

Dari segi infrastruktur dan kemudahan yang ada di Kampung Pengkalen Berangan, dapat dikatakan ianya merupakan sebuah kampung yang agak maju juga. Disini terdapat beberapa batang jalanraya yang diperbuat daripada minyak tar. Namun begitu tidak ketinggalan juga beberapa jalanraya yang masih lagi brook apabila hujan dan berdebu apabila tiba musim kemarau.

(b) MASYARAKAT YANG DIKAJI

Masyarakat yang dikaji terdiri daripada kaum ibu, anak-anak gadis dan juga kaum bapa. Kaum ibu dan anak-anak gadis merupakan golongan yang menjadi tumpuan pengkaji. Masyarakat ini merupakan masyarakat luar bandar yang masih lagi berpegang teguh kepada adat-adat tradisi. Di antara acara ataupun adat-adat tradisi yang masih lagi diamalkan ialah upacara mengubat orang sakit yang dinamakan 'Puteri'. Dalam upacara ini bomoh telah menggunakan beberapa jenis alat musik disamping jampi mentora di dalam usahanya untuk menyembuhkan pesakit.

Di antara alat-alat musik yang digunakan ialah rebana, seruling dan sebagainya. Selain dari upacara 'Puteri' penduduk kampung ini masih lagi mengamalkan adat-adat turun-temurun mereka seperti upacara lenggang perut, upacara berukur kepala, upacara meneman dan sebagainya.

Pergaulan masyarakat ini lebih erat jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Ini terbukti dari panggilan yang digunakan sesama mereka, seperti 'Pak Long', 'Pak Ngah' dan lain-lain sebagai nama harian mereka. Hubungan yang erat ini juga dapat dilihat dari segi kerjasama antara mereka. Contohnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan upacara nikah kahwin, mereka akan tolong menolong di antara satu sama lain. Pembahagian kerja telah diatur dengan teliti. Kaum lelaki diarahkan untuk mengendalikan kerja-kerja yang lebih berat seperti mendirikan khemah, memotong kayu api dan sebagainya. Sementara kaum wanita pula ditugaskan membuat kerja-kerja yang ringan seperti membasuh pinggan mangkuk, menyambut tetamu dan kerja-kerja lain yang difikir sesuai dan berpadanan dengan kaum wanita. Begitu juga dengan kerja di bendang. Mereka bergilir-gilir mengerjakan sawah jiran sehingga kesemua tanah sawah yang ada selesai dikerjakan. Pendek kata masyarakat ini masih lagi mengamalkan cara hidup tradisi yang dipusakai dari nenek moyang mereka.

Masyarakat di kampung ini masih lagi menjalankan aktiviti pertanian disamping aktiviti-aktiviti sampingan yang lain. Kaum lelaki di kampung ini menjalankan kerja-kerja seperti bersawah, berladang, berkedai dan juga bertukang. Sementara kaum wanita pula menolong suami-

suami mereka menjalankan aktiviti-aktiviti ini. Terdapat juga kaum wanita disamping menolong suami, menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan pendapatan seperti bersawah dan berladang. Sawah-sawah ladang mereka ini adalah hak milik sendiri dan terdapat juga yang mengambil upah mengerjakan tanah orang lain. Tidak ketinggalan yang membuka perbiagaan secara kecil-kecilan dan membuat kerja-kerja menganyam seperti tikat, kipas, tas tangan dan sebagainya.

c) LATAR BELAKANG RESPONDEN

Responden yang dipilih oleh pengkaji ialah mereka yang terdiri daripada wanita yang telah berumahtangga dan anak-anak gadis yang berumur di antara enam belas tahun hingga lima puluh lima tahun. Mengikut bancian yang dibuat, terdapat enam orang yang berumur di antara enam belas hingga dua puluh tahun. Empat orang yang berumur di antara dua puluh satu hingga dua puluh lima tahun, dua belas orang yang berumur di antara dua puluh enam hingga tiga puluh tahun, empat orang yang berumur di antara tiga puluh satu hingga tiga puluh lima tahun, dua orang yang berumur di antara tiga puluh enam hingga empat puluh tahun, lapan orang yang berumur di antara empat puluh satu hingga empat puluh lima tahun, enam orang yang berumur di antara empat puluh enam hingga lima puluh tahun dan empat orang yang berumur di antara lima puluh satu hingga lima puluh lima tahun. Purata jumlah responden ialah seramai empat puluh enam orang. Jadual di bawah menunjukkan data umur responden di-Kampung Pengkalan Berangan.

JADUAL I

UMUR RESPONDEN	BILANGAN KELUARGA	%
16 - 20	6	13.09
21 - 25	4	8.69
26 - 30	12	26.86
31 - 35	4	8.69
36 - 40	2	4.35
41 - 45	8	17.38
46 - 50	6	13.64
51 - 55	4	8.69
JUMLAH	46	100

UMUR RESPONDEN DI KAMPUNG PENGKALAN

BERANGAN

Dari segi bilangan anak pula, majoritinya penduduk Kampung Pengkalan Berangan ini mempunyai anak di antara tiga hingga empat orang. Walaubagaimanapun terdapat juga keluarga yang mempunyai anak sehingga tujuh atau lapan orang tetapi bilangannya tidaklah ramai. Ini disebabkan setengah daripada mereka telah mula mengamalkan perancang keluarga samada secara moden iaitu dengan mengambil pil perancang ataupun secara tradisi iaitu dengan meminum ubat-ubat tempatan. Salah satu faktor mengapa amalan ini masih dilakukan kerana perbelanjaan mereka tidak mencukupi untuk menyara keluarga mereka. Di bawah ini jadual yang menunjukkan bilangan anak yang terdapat dalam tiap-tiap keluarga.

JADUAL II

BILANGAN ANAK	BILANGAN KELUARGA	%
TIADA ANAK #	4	8.68
0 - 2	12	24.06
3 - 4	18	39.90
5 - 6	8	17.38
7 - 8	4	8.69
JUMLAH	46	100

GADIS

BILANGAN ANAK DALAM KELUARGA

Dari jadual di atas kita dapati empat keluarga terdiri daripada anak-anak gadis dan tidak mempunyai anak. Empat belas keluarga mempunyai anak di antara kosong hingga dua orang, lapan belas keluarga mempunyai anak di antara tiga hingga empat orang, lapan keluarga mempunyai anak di antara lima hingga enam orang dan empat keluarga mempunyai anak di antara tujuh hingga lapan orang.

Dari segi perbelanjaan pula, boleh dikatakan hanya 50% daripada responden yang tahu membaca dan menulis. Yang selebihnya buta huruf. Menurut mereka faktor yang menyebabkan mereka buta huruf ialah kerana kehidupan mereka yang terdesak, tidak ada sekolah di-tempat kediaman mereka dan juga tidak ada galakan dari pihak keluarga.

Dari segi taburan penduduk Kampung Pengkalan Berangan, kedudukan kediaman mereka berkelompok-kelompok. Di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain jaraknya kira-kira setengah batu.

Majoritinya penduduk kampung ini ialah bersawah dan menoreh getah. Mereka bekerja dari pukul enam pagi hingga pukul enam petang. Ada juga di antara mereka yang melakukan pekerjaan sambilan sementara menunggu hasil dari kebun atau sawah. Mereka menjual kueh-muih, menganyam tiker dan sebagainya. Disamping itu ada juga responden yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan mahupun besar-besaran. Sementara itu tanah kebun atau tanah sawah mereka diberikan pada orang lain untuk dikerjakan di bawah sistem upah.

Setelah membuat kajian, pengkaji dapati tiap-tiap responden mempunyai tanah sendiri samada tanah itu dikerjakan sendiri ataupun diberi upah pada orang lain untuk mengerjakannya. Di bawah ini menunjukkan luas tanah yang dimiliki oleh responden.

JADUAL III

LUAS TANAH (EKAR)	BILANGAN KELUARGA	%
1 - 2	15	32. 6
3 - 4	7	15.19
5 - 6	8	17.36
7 - 8	6	13.02
9 -10	10	21. 7
JUMLAH	46	100

KELUASAN TANAH YANG DIMILIKI
OLEH RESPONDEN

Dari jadual di atas kita dapati keluasan tanah di antara satu hingga dua ekar ialah tanah yang paling ramai dimiliki oleh responden. Di antara itu keluasan tanah yang paling sedikit dimiliki oleh responden ialah di antara tujuh hingga lapan ekar. Walaubagaimanapun terdapat sepuluh orang responden yang memiliki tanah di antara sembilan hingga sepuluh ekar. Kesimpulannya, kita dapati walaupun mereka ini miskin dari segi jumlah wang tetapi dari segi harta benda seperti pemilikan tanah, mereka ini tetap tergolong dalam golongan orang-orang yang berada.

Dari segi pendapatan responden pula mereka berpendapatan di antara \$50 - \$400 sebulan. Terdapat tiga belas orang yang berpendapatan di antara \$150 - \$200 sebulan, dan dua puluh orang berpendapatan di antara \$201 - \$250 sebulan, tujuh orang berpendapatan di antara \$251 - \$300 sebulan, empat orang berpendapatan di antara \$301 - \$350 sebulan dan hanya dua orang sahaja yang berpendapatan agak tinggi iaitu di antara \$351 - \$400 sebulan. Pendapatan yang mereka perolehi ini adalah hasil dari usaha mereka mengerjakan sawah dan membuat kerja-kerja sambilan. Jadual di bawah menunjukkan jumlah pendapatan responden bagi setiap bulan.

JADUAL IV

JUMLAH PENDAPATAN (\$)	BILANGAN KELUARGA	%
150 - 200	13	28.26
201 - 250	20	43.40
251 - 300	7	15.19
301 - 350	4	8.68
351 - 400	2	4.34
JUMLAH	46	100

JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPEROLEHI
SETIAP BULAN

BAB 2

PERANAN WANITA DALAM KEGIATAN EKONOMI

Mata pencarian utama bagi penduduk Kampung Pengkalan Berangan ialah bertani iaitu penanaman getah dan padi. Malau bagaimanapun terdapat juga kerja-kerja yang dijalankan oleh penduduk kampung seperti menternak ayam, mentik, menanam sayur-sayuran dan menjual kueh muih secara kecil-kecilan. Ini bertujuan untuk menambahkan pendapatan keluarga. Kerja sampingan ini biasanya dilakukan oleh kaum wanita. Manakala kaum lelaki selepas sahaja menjalankan tugas mereka di sawah atau bendang, akan balik ke rumah untuk berihat sehinggalah pagi besoknya. Kegiatan berpentuk ekonomi ini dilakukan samada di dalam rumah ataupun di luar rumah.

(a) EKONOMI BERCORAK PERTANIAN

Dalam bidang ekonomi, ia tidak hanya terhad pada penanaman satu jenis tanaman sahaja. Mereka mengusahakan berbagai-bagai jenis tanaman selain dari padi dan getah. Tanaman-tanaman yang diusahakan itu ialah tembikai, pisang, oiku, lada, sayur-sayuran, nenas, keledek, kobis, jagong dan kacang tanah. Tanaman-tanaman ini diusahakan sementara menunggu padi masak dan pokok getah dapat ditoroh.

Penduduk Kampung Pengkalan Berangan menanam padi dua kali setahun. Biasanya tanaman padi ini dilakukan oleh kaum wanita sahaja. Walaubagaimanapun terdapat juga suami-suami mereka turut membantu, terutamanya semasa menyediakan tapak semeian dan membajak.

Di dalam proses menanam padi ini terdapat satu sistem yang diistilahkan sebagai 'dereu'. Sistem ini merupakan satu aktiviti kerja yang dilakukan secara beramai-ramai bagi mempercepatkan lagi proses sesuatu kerja itu. Di Kampung Pengkalan Berangan, apabila musim memuai, penduduk-penduduknya akan berkumpul untuk memuai padi. Mereka akan memuai mengikut giliran sehinggalah kesemuanya siap. Biasanya tuan-tuan tanah itu akan memberi makan kepada jiran-jiran mereka yang menolong. Sistem 'dereu' ini dilakukan dua kali setahun. Peratus responden yang terlibat dalam aktiviti bersawah ini ialah 60.76%.

Pekerjaan memotong padi atau mengerat padi merupakan pekerjaan khas bagi kaum wanita walaupun kadangkala terdapat juga kaum lelaki turut membantu. Oleh itu ada kaum wanita yang hanya bekerja di musim padi masak sahaja iaitu dengan mengambil upah memotong padi. 17.64% dari responden Kampung Pengkalan Berangan bekerja mengambil upah memotong padi di musim memuai.

Petani atau pesawah biasanya turun ke sawah selepas sahaja selesai mengerjakan fardhu Subuh. Biasanya mereka membawa bekalan makanan dan minuman kerana pada tengah harinya mereka tidak pulang ke rumah. Bagi mereka yang pulang ke rumah pada tengah harinya tidak pula membawa bekalan. Tetapi hampir kesemua petani terpaksa membawa bekalan kerana jarak rumah mereka dengan bendang yang dikerjakan sangatlah jauh kira-kira dua batu. Biasanya mereka bekerja di sawah dari pagi hingga ke petang. Mereka hanya berhenti untuk makan dan minum serta berihat sahaja.

Sementara petani atau kaum wanita mengerjakan tanah sawah, anak-anak mereka selalunya dibiarkan tinggal bersendirian sahaja di rumah. Anak-anak gadis mereka yang meningkat dewasa dan tidak berskolah ataupun tidak bekerja ditugaskan mengawasi adik-adik mereka yang masih kecil. Mereka juga melaksanakan kerja-kerja di rumah seperti memasak, membasuh dan mengemas rumah. Bagi mereka yang tidak mempunyai anak gadis, terpaksa meninggalkan anak-anak mereka sendirian di rumah. Suami-suami mereka juga tidak ada di rumah kerana menjalankan tugas masing-masing. Terdapat di antara suami-suami mereka yang menjalankan aktiviti bersawah, berladang, berniaga dan juga bertukang.

Penduduk Kampung Pengkalan Berangan mendapat bantuan dari kerajaan di dalam usaha menanam padi. Bantuan seperti baja, tanam-tanaman dan racun rerusput ini didapati daripada Jabatan Pertanian Daerah Marang.

Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan penanam padi ialah masalah tanah. Petani yang mempunyai tanah sendiri tidak menimbulkan masalah. Hanya mereka yang memiliki tanah yang dikategorikan dalam kumpulan T.O.L. (Temporary Occupational Licence) ini merupakan masalah utama kerana mereka terpaksa membayar cukai tanah sedangkan hasil yang didapati tidak seberapa. 23.9% (23.87) daripada responden Kampung Pengkalan Berangan mengerjakan tanah T.O.L. Bagi mereka yang tidak mempunyai tanah T.O.L. akan mengerjakan tanah orang lain dan hasilnya nanti akan dibahagikan dalam kadar 2:1 dimana tuan tanah mendapat dua bahagian manakala sipekerja tanah pula hanya akan mendapat satu bahagian sahaja. Lazimnya, tuan-tuan tanah terdiri daripada penduduk tempatan yang kaya. Ada juga tuan tanah yang tinggal di luar Kampung Pengkalan Berangan.

Di kampung ini, terdapat 32.55% daripada responden yang mengerjakan tanah pusaka. Walaubagaimanapun peratus responden yang memiliki tanah yang dibeli sendiri agak tinggi iaitu 43.40%. Di bawah ini memunjukkan jadual jenis-jenis tanah yang dimiliki oleh responden.

JADUAL V

JENIS TANAH	BILANGAN RESPONDEN	%
T.O.L.	11	23.87
TANAH PUSAKA	15	32.55
TANAH CARIAN SENDIRI	20	43.40
JUMLAH	46	100

JENIS TANAH YANG DIMILIKI
OLEH RESPONDEN

Sistem pasaran bagi hasil tanaman di Kampung Pengkalan Berangan ialah pada peringkat minima sahaja. Ini kerana segala hasil tanaman yang didapati dari penanaman padi itu digunakan untuk kegunaan sendiri dan keluarga sahaja. Lagipun luas kawasan tanah yang dimiliki oleh responden itu tidak begitu luas iaitu di antara setengah ekar hingga tiga ekar sahaja bagi tiap-tiap seorang.

Bagi mereka yang mengerjakan tanah padi seluas tiga ekar, tidak lagi perlu membeli beras bagi kegunaan mereka, malahan dapat pula menyimpannya pada tahun yang akan datang. Bagi mereka yang mengerjakan tanah padi seluas setengah ekar ataupun dua ekar, terpaksa pula membeli beras bagi menampung bekalan makanan harian sementara menunggu hasil padi seterusnya.

Selain dari padi, responden-responden juga mengerjakan ladang yang ditanami dengan getah. Kebanyakan daripada responden-responden ini mendapat bantuan dari pihak RISDA di dalam usaha mereka menanam getah. Pihak RISDA telah memberi bantuan seperti baja, racun, benih getah dan sebagainya yang berkaitan dengan penanaman getah. Keuntungan bantuan ini diberikan kepada orang yang mengerjakan kebun sendiri dan juga orang yang mengerjakan tanah secara berkelompok. Tanaman cara berkelompok kurang mendapat sambutan. Oleh itu pihak RISDA mengerjakan secara 'mini estate'. Pihak RISDA terlebih dahulu memproses tanah-tanah yang hendak ditanam dengan getah dan setelah siap baharulah diberikan kepada tuan punya tanah. Faedah yang dibayar kepada responden bergantung pada keluasan tanah seseorang.

Dari segi pasaran, responden-responden menjualkan hasil getah mereka menerusi pihak RISDA yang telah menetapkan harganya. Oleh itu responden tidak perlu lagi mencari pembeli-pembeli yang lain. Sebelum pihak RISDA mengambil alih, penduduk-penduduk kampung sering ditindas oleh orang-orang tengah yang membeli getah dengan harga yang murah. Responden terpaksa menerima sahaja kerana tidak ada jalan lain lagi.

Terdapat juga responden yang menanam sayur-sayuran. Jenis-jenis sayur yang ditanam ialah kacang hijau, kobis, sawi dan mentimun. Biasanya kebun sayur ini terletak berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Jumlah kaum wanita yang melibatkan diri dalam tanaman sayur-sayuran ini ialah seramai lima orang iaitu 7.4% (7.355%). Memandangkan kaum wanita sering sahaja sibuk dengan urusan runtahtangga, mereka selalu dibantu oleh suami dan anak-anak mereka ketika suami mereka tidak ke sawah atau ladang dan anak-anak mereka tidak ke sekolah. Biasanya responden mengerjakan kebun sayur-sayuran mereka setelah selesai mengerjakan tugas harian. Mereka sering berada di kebun pada awal pagi dan lewat petang.

Selain dari itu kaum wanita juga menanam buah-buahan seperti jagong, tembikai, ollu, pisang, keledak dan sebagainya. Seperti juga sayur-sayuran, buah-buahan ini juga di tanam sepanjang tahun tidak seperti padi yang mempunyai musimnya yang tertentu.

Dalam usaha menanam sayur-sayuran dan buah-buahan, responden tidak menghadapi sebarang masalah. Ini disebabkan oleh aktiviti-aktiviti ini tidak memerlukan kawasan tanah yang luas. Lebih-lebih lagi tanaman yang mereka usahakan itu tidak memakan masa untuk dinikmati hasilnya.

Hasil tanaman ini lebih banyak digunakan untuk sara diri sahaja. Ada juga proses jual beli ini berlaku di kalangan jiran-jiran dan sahabat-sahabat responden. Hasil dari pendapatan jual beli ini adalah sekadar untuk menampung perbelanjaan dapur seharian saja dan tidak dapat disimpan. Anggaran pendapatan mereka ialah di antara \$20 - \$30 sebulan.

Walaupun kegiatan responden tidak begitu ketara di mata masyarakat, sedikit sebanyak dapat juga meringankan beban suami di dalam usaha menampung perbelanjaan keluarga.

Namun begitu terdapat juga hasil-hasil tanaman yang dipasarkan. Tanaman yang dimaksudkan itu ialah tembakau. Hasil tanaman ini dipasarkan menerusi Jabatan Pertanian yang merupakan pembekal baja, racun serangga dan benih kepada mereka.

(b) EKONOMI YANG BERCORAK BUKAN PERTANIAN

Dari kajian yang dibuat, bilangan mereka yang menjalankan aktiviti berkedai ialah seramai enam orang (13.02%). Selalunya mereka menjalankan aktiviti ini jika ada masa lapang. Ada juga di kalangan responden yang menyerahkan tugas berkedai ini kepada anak-anak ataupun adik-beradik mereka untuk menjaganya. Sementara itu mereka pergi ke bendang untuk mengerjakan tugas mereka. Beras, gula, susu, bawang, lada, barang-barang dalam tin dan sebagainya merupakan barang-barang

jualan mereka. Didapati pendapatan kasar responden dari jualan mereka ialah di antara \$150 - \$300 sebulan. Pendapatan sebanyak ini kalau dilihat dari segi kehidupan orang-orang kampung sudah melebihi daripada cukup. Selalunya, responden ini mendapat bekalan barang-barang jualan dari kedai-kedai yang terdapat di bandar.

Selain dari berkedai, responden juga menjalankan pekerjaan menjual kueh-muih. Aktiviti ini tidak mendatangkan masalah kepada responden kerana bahan-bahannya boleh didapati dari hasil tanaman mereka dan juga di kedai-kedai yang berhampiran. Responden tidak perlu lagi pergi ke bandar untuk mendapatkan bahan-bahan ini kerana kesemuanya telah sedia ada di kampung mereka. Selalunya responden mula membuat kueh-muih dari pagi lagi iaitu sebelum turun ke sawah. Kueh-muih mereka ini dihantar ke kedai makanan untuk dijual dan selebihnya pula dijual dengan dibantu oleh anak-anak mereka. Kueh-muih ini dijual pada waktu pagi bagi memberi kemudahan kepada petani-petani dan juga kanak-kanak sekolah yang tidak berkesempatan bersarapan di rumah. Pekedai-pekedai mengenakan syarat ke atas tuan-tuan kueh yang meletakkan kueh-muih mereka di kedai mereka. Bagi tiap-tiap saringan jualan kueh-muih akan dikenakan bayaran sebanyak 25%. Mereka yang menjalankan aktiviti ini ialah seramai dua belas orang. Pendapatan kasar dari jualan kueh-muih ini ialah \$50 - \$100 sebulan.

Menganyam merupakan salah satu lagi kegiatan yang dijalankan oleh kaum wanita di Kampung Pengkalan Berangan. Aktiviti ini merupakan aktiviti yang dipusakai turun-temurun. Selalunya masa yang diluahkan bagi kegiatan ini ialah di waktu malam iaitu selepas maghrib. Anyaman mereka ini ialah tikar, kipas, tas tangan, tudung saji dan sebagainya. Daun mengkuang yang digunakan ialah hasil daripada tanaman mereka sendiri di sekitar kawasan rumah. Sebelum daun mengkuang ini dianyam, ianya terlebih dahulu direndam ke dalam air. Selepas itu ianya dipotong halus-halus. Apabila semuanya telah siap, ianya diwarnakan mengikut kegemaran masing-masing. Akhirnya daun-daun mengkuang itu dijemur sehingga kering. Hasil daripada pekerjaan tangan ini mereka jualkan samada kepada pelancong-pelancong ataupun pelawat-pelawat yang datang membelinya di rumah ataupun pembuat itu sendiri membawanya ke kedai-kedai yang menjual barang-barang daripada mengkuang yang terdapat di bandar-bandar. Daripada responden yang dikaji, hanya 11.8% (11.76%) sahaja yang menjalankan aktiviti ini. Pendapatan kasar yang diperolehi tidaklah sebanyak yang diterima oleh mereka yang menjalankan aktiviti berkedai. Mereka mendapat hanya kira-kira di antara \$50 - \$80 sebulan.

(c) PENDAPATAN

(i) PERBELANJAAN

Perbelanjaan perlu bagi responden untuk membeli barang seperti ikan, lada, bawang, garam dan alat-alat dapur yang diperlukan. Di samping itu mereka perlu juga menampung perbelanjaan persekolahan seperti

duit saku anak-anak, tambang ke sekolah dan sebagainya. Mereka juga membeli alat-alat perabut, barang-barang perhiasan, radio, talivision dan sebagainya. Ada di antara penduduk yang membeli perkakas secara tunai dan bagi mereka yang kurang mampu, membelinya secara ansuran. Secara kasar pendapatan responden ialah di antara \$150 - \$400 sebulan. Sementara hutang pula ialah di antara \$200 - \$300 sebulan. Kadangkala hutang mereka melebihi daripada pendapatan bulanan. Oleh itu pendapatan yang besar diperlukan bagi menyelesaikan hutang-hutang mereka ini.

(11) SIMPANAN

Di samping perbelanjaan, ada juga responden yang menabung. Mereka ini menabung menerusi berbagai-bagai cara iaitu samada hanya menyimpannya di rumah sahaja ataupun menyimpannya di bank-bank. Di bawah ini ditunjukkan dimana responden-responden menyimpan wang tunai mereka ketika ditanya oleh pengkaji semasa membuat kajian.

JADUAL VI

TEMPAT RESPONDEN MENABUNG	BILANGAN RESPONDEN	%
RUMAH	15	32.55
BANK RAKYAT	5	10.85
BANK BUMIPUTRA	10	21.7
BANK PERTANIAN	10	21.7
PEJABAT POS BERGERAK	6	13.02
JUMLAH	46	100

TEMPAT DIMANA RESPONDEN MENABUNG

Dari jadual di atas kira dapat di kesemua responden ada mempunyai wang simpanan. Ini menunjukkan yang mereka telah sedar akan perlunya menyimpan wang untuk masa yang akan datang. Walaubegaimanapun masih ramai lagi daripada mereka yang menyimpan wang di rumah. Ini menurut mereka, senang untuk mengeluarkan wang pada bila-bila masa sahaja. Menurut mereka lagi perjalanan ke bandar untuk menyimpan duit memakan masa yang lama sedangkan mereka memerlukan masa itu untuk menguruskan kerja-kerja mereka samada bersawah atau pun menguruskan rumahtangga. Walaupun terdapat Perkhidmatan Pos Bergerak di kampung mereka, tapi kedatangannya itu tidak menepati waktu. Ini membuat mereka bosan untuk menunggu. Ada juga di antara

responden yang masih lagi enggan menerima faedah dimana menurut mereka menerima faedah itu merupakan satu dosa dari segi agama Islam. Oleh itu mereka lebih senang menyimpannya di rumah sahaja.

Tidak ada persamaan jumlah simpanan di kalangan responden. Mereka menabung mengikut lebihan yang terdapat pada mereka. Untuk menjelaskan lagi jumlah simpanan yang dibuat oleh responden, di bawah ini ditunjukkan jadualnya.

JADUAL VII

SIMPANAN DALAM SEBULAN (\$)	BILANGAN RESPONDEN	%
0 - 50	12	26.04
51 - 100	19	41.23
101 - 150	15	32.55
JUMLAH	46	100

JUMLAH SIMPANAN BULANAN RESPONDEN

Dari jadual di atas kita dapati ramai daripada responden yang menyimpan wang di antara \$51 - \$100 setiap bulan. Senentara \$0 - \$50 sebulan ialah seramai dua belas orang dan \$101 - \$150 sebulan ialah seramai lima belas orang. Simpanan mereka ini merupakan gabungan daripada pendapatan suami mereka. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pekerjaan suami mereka ialah sebagai pesawah,

peladang, peniaga dan bertukang. Hasil daripada pendapatan ini mereka gabungkan untuk perbelanjaan harian dan yang selebihnya mereka menabung. Di bawah ini ditunjukkan jadual pendapatan suami-suami responden.

JADUAL VIII

JUMLAH PENDAPATAN SUAMI (\$)	BILANGAN	%
KURANG DARIPADA 100	14	30.38
100 - 150	4	8.68
151 - 200	11	23.87
201 - 250	1	2.17
251 - 300	9	19.53
301 - 350	2	4.34
351 - 400	5	10.85
JUMLAH	46	100

JUMLAH PENDAPATAN SUAMI RESPONDEN

BAB 3

PERANAN WANITA DARI SEGI SOSIAL

(a) PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DALAM RUMAHTANGGA

Walaupun suami merupakan ketua bagi sesebuah rumahtangga, tetapi isteri lebih banyak memainkan peranan di dalam urusan rumahtangga. Segala pekerjaan yang terdapat di dalam rumahtangga seperti membasuh, mengemas dan menjaga anak dianggap sebagai kerja orang perempuan. Hanya sebilangan kecil sahaja kaum lelaki yang membantu isteri-isteri mereka seperti mengambil air dan memotong kayu api. Kaum wanita juga kadangkala mendapat bantuan daripada anak-anak gadis mereka. Itupun tidak selalu kerana anak-anak gadis mereka ini ada yang bersekolah dan ada juga yang bekerja.

Dengan itu terdapat dua pekerjaan yang mesti dilakukan oleh kaum wanita. Di samping bergiat di dalam lapangan ekonomi untuk meninggikan taraf pendapatan keluarga, mereka terpaksa pula menjalankan tugas-tugas sebagai suri rumahtangga, sedangkan kaum lelaki sekadar menjalankan tugas-tugas ekonomi sahaja. Kalau mereka menolong pun sekadar kerja-kerja yang berat sahaja dan ketika isteri mereka sakit ataupun tiada di rumah, mereka terpaksa melakukannya. Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis kerja rumahtangga yang dijalankan oleh kaum lelaki.

JADUAL IX

JENIS KERJA	BILANGAN SUAMI	%
MEMBERSIH KAWASAN	-	-
MENGAMBIL AIR	10	21.7
MEMBASUH KAIN	0	-
MENGEMAS RUMAH	-	-
MEMASAK	-	-
MENJAGA ANAK	-	-
MEMOTONG KAYU API	20	43.4
PERGI KE PASAR	12	26.04
JUMLAH	42	100

JENIS-JENIS KERJA RUMAH TANGGA
YANG DIJALANKAN OLEH KAUM LELAKI

Dari jadual di atas kita dapati tiada seorang pun daripada kaum lelaki yang menjalankan kerja-kerja seperti membasuh kain, mengemas rumah, memasak dan menjaga anak-anak. Terdapat sepuluh orang suami yang menolong isteri mereka mengambil air, memotong kayu api seramai dua puluh orang dan pergi ke pasar seramai dua belas orang. Bilangan suami yang pergi ke pasar agak ramai kerana kedudukan pasar dari rumah mereka jauh iaitu lebihkurang tiga perempat batu dan lagi pun para suami ini lebih senang keluar berjalan-jalan daripada tinggal di rumah. Mungkin juga mereka ke pasar dengan

tujuan untuk berjumpa dengan rakan-rakan mereka. Oleh itu para suami membiarkan isteri mereka mengemas rumah dan menjaga anak-anak sementara mereka sendiri pergi ke pasar dan kemudiannya dibawa pulang untuk dimasak oleh isteri mereka.

Peranan di dalam menguruskan rumahtangga amatlah penting kerana kebahagiaan dan keamanan di dalam rumahtangga itu bukanlah hanya terletak pada kekayaan semata-mata tetapi juga kepandaian menguruskan rumahtangga. Kadaan inilah biasanya yang telah menimbulkan kepincangan dalam rumahtangga kerana tugas-tugas rumahtangga terutama sekali tugas menjaga anak hanya diletakkan ke atas bahu isteri.

Suami dan isteri mempunyai hubungan yang rapat. Mereka saling mengharapkan di antara satu sama lain. Jika ada isteri bermakna adanya suami. Begitu juga sebaliknya. Oleh itu hubungan mereka tidak dapat dipisahkan. Tugas utama suami ialah menaiki nafkah hidup untuk menyara keluarga. Mereka juga bertanggungjawab untuk melindungi keluarga mereka dari kesusahan. Pendek kata keselamatan terletak di atas bahu para suami. Tapi kesemuanya ini tidak dapat dilakukan tanpa bantuan dari orang lain. Orang yang paling hampir dengan suami ialah isteri. Oleh itu setengah daripada tanggungjawab suami telah diambil alih oleh para isteri. Para isteri selain daripada menguruskan rumahtangga dan menjaga anak-anak terpaksa pula menolong suami untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Kaum wanita, bangkit sahaja dari tidur terpaksa menyediakan sarapan untuk keluarga. Setelah kesemua isi keluarga selesai bersarapan, terpaksa pula berkemas dan membasuh pakaian. Bagi mereka yang mempunyai anak-anak kecil terpaksa pula memandikan mereka. Setelah kesemuanya selesai, terpaksa pula ke sawah atau ke ladang untuk menolong suami mereka menoreh getah atau bersawah. Pada tengaharinya terpaksa pula pulang ke rumah untuk menyediakan makan tengahari. Setelah berchat sekejap, pergi lagi ke sawah sehinggalah ke pukul enam petang. Petangnya terpaksa pula menyediakan makan malam dan memandikan anak-anak yang ditinggalkan sehari suntuk di rumah. Selepas maghrib, mengajar pula anak-anak mengaji Qur'an. Bagi orang-orang kampung, mereka lebih menitik beratkan pelajaran agama daripada pelajaran moden.

Bagi wanita yang mempunyai anak-anak perempuan yang dewasa sedikit sebanyak akan meringankan beban seharian mereka. Anak-anak perempuan mereka ini akan membantu ibu-ibu mereka menguruskan rumahtangga seperti memasak, membasuh, berkemas dan menjaga adik-adik. Pada waktu malamnya apabila adik-adik mereka telah pulang dari sekolah, mereka akan memberi tunjuk ajar kepada adik-adik mereka mengenai pelajaran sekolah masing-masing. Di samping menolong ibu mereka di dalam urusan rumahtangga, terdapat juga di antara mereka yang menolong ibu-ibu mereka di luar rumah seperti bersawah dan berladang. Hubungan di antara anak-anak perempuan

dengan ibu mereka sangatlah rapat. Pendek kata jika ibu mereka tiada di rumah ataupun sakit, merekalah yang bertindak sebagai ibu kepada adik-adik mereka. Berbanding dengan anak-anak perempuan, anak-anak lelaki lebih banyak menghabiskan masa di luar rumah. Mereka langsung tidak mengambil tahu apa yang berlaku disekitar keluarga mereka. Apabila tiba waktu makan mereka akan pulang dan selepas itu pergi lagi. Bagi anak-anak lelaki yang masih kecil, mereka lebih senang bermain-main di luar rumah sementara anak-anak lelaki yang telah dewasa pula lebih senang duduk di tepi-tepi tembok bersama rakan-rakan mereka sambil berbual-bual kosong. Namun begitu terdapat juga di antara mereka yang pergi ke bandar-bandar yang berdekatan hanya sekadar untuk menouci mata dan apabila matahari mula terbenam, baharulah mereka pulang. Ahli-ahli keluarga lebih mesra hubungannya dengan anak-anak gadis jika dibandingkan hubungan mereka dengan anak-anak lelaki. Anak-anak lelaki hanya akan berhubung dengan ibu mereka apabila memerlukan wang belanja.

(b) PERANAN DAN PENGLIBATAN WANITA DI LUAR RUMAH TANGGA

Tujuan kaum wanita dan anak-anak gadis menoeburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti sosial ialah untuk memenuhi masa lapang dan juga untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Pertubuhan-pertubuhan yang terdapat di kampung ini ada yang dianjurkan oleh pihak RISDA, KEMAS (Kelas Kemajuan Masyarakat) dan juga datangnya dari inisiatif mereka sendiri. Pertubuhan-pertubuhan yang dimaksudkan itu ialah PPPK (Pusat Pembangunan Pekebun Kecil) dan PWP (Pertemuan Wanita Pekebun Kecil)

anajuran pihak RISDA, masakan, jahitan dan tadika oleh pihak KEMAS serta persatuan-persatuan agama yang diusahakan oleh orang-orang kampung sendiri.

Tujuan pihak RISDA memubuhkan PWPK antara lainnya khusus bagi memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kaum wanita dalam soal menguruskan rumahtangga dan keluarga mereka supaya matlamat meninggikan taraf hidup mereka terlaksana. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah kerajinan tangan seperti kait-mengait. Hasil daripada kegiatan ini ialah alas meja, selendang, sampul bantal dan sebagainya. Selain daripada itu, sulam-menyulam juga diajar yang dapat menghasilkan cadar, sarung bantal dan alas meja. Menekat seperti membuat alat-alat pengantin seperti sarung bantal, kipas dan sebagainya yang dibuat dari benang emas atau perak di atas kain baldi. Disamping itu terdapat juga kegiatan-kegiatan seperti membuat bunga-bunga tiruan daripada kertas, riben dan sebagainya. Jahitan juga diajar kepada ahli-ahli PWPK. Hasil daripada latihan ini mereka dapat mengambil upah menjahit atau sekurang-kurangnya tidak payah lagi mengupah orang lain untuk menjahit baju. Selain daripada jahitan, mengait, menyulam dan membuat bunga tiruan, anyaman juga diajar. Anyaman ini dibuat daripada pandan, mengkuang, lidi dan rotan untuk membuat tikar, bakul beg dan sebagainya. Cara-cara untuk memproses makanan juga diajar, termasuklah cara membuat jem, jeruk, acar, halwa kerepok, mee, tahu dan sebagainya. Tidak ketinggalan pertubuhan PWPK ini juga memberi tunjuk ajar bagaimana menanam khasnya tanaman kontan seperti

kobis, cili, terung, bender, labu, kacang dan lain-lain serta juga tanaman seperti keledek, jagung, pisang dan kacang soya begitu juga dengan ternakan. Jenis ternakan yang digalakkan ialah ayam. Tiap-tiap seorang diberi sebanyak 50 ekor ayam oleh Jabatan Haiwan Daerah Marang.

Selain daripada itu, ahli-ahli PWPK juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan dengan tujuan untuk meninggikan taraf kesihatan ahli keluarga melalui amalan kesihatan keluarga dengan memanggil penceramah dari jururawat desa, merinyu kesihatan dan lain-lain kakitangan kesihatan. Mereka juga mengadakan kempen kebersihan rumah seperti menggalakkan ahli-ahlinya membuat lubang sampah, membersihkan kawasan dalam dan luar rumah.

Di samping itu diadakan juga pertandingan rumah bersih, dapur sempurna, kanak-kanak sihat dan makanan seimbang dengan tujuan supaya penduduk-penduduk kampung mengikut apa yang disyorkan oleh pihak kesihatan demi untuk kebaikan mereka. Hadiah untuk pertandingan ini diusahakan oleh ahli-ahli jawatankuasa sendiri yang diperolehinya daripada derma orang perseorangan, firma-firma seperti Lactogen, Dunex dan Milo, kedai-kedai ataupun dari wang simpanan perkumpulan sendiri. Untuk mengambil kesempatan dari pertandingan ini diadakan pameran atau jualan hasil kerjatangan ahli-ahlinya, jualan makanan dan sebagainya.

Aktiviti-aktiviti agama juga diadakan bagi mengembangkan dan memberi panduan dari segala aspek keagamaan kepada penduduk-penduduk kampung. Dengan inisiatif ahli-ahlinya diadakan majlis ceramah agama dengan menjemput pensyarah samada dari Jabatan Agama, badan dakwah ataupun individu yang bertauliah. Ceramah ini diadakan seminggu sekali pada tiap-tiap hari Jumaat. Perkara-perkara yang dijadikan tajuk perbincangan ialah mengenai hukum-hukum nikah kahwin dan cerai-berai dalam Islam, hukum-hukum yang bersabit dengan tanggungjawab seorang isteri dan ibu, tentang perlunya menjaga kebersihan, menuntut ilmu, perbelanjaan wang dan lain-lain.

Seksi kemasyarakatan juga diadakan bagi mewujudkan masyarakat yang bersatupadu melalui semangat kerjasama dan saling bantu membantu bagi mendatangkan faedah yang dapat dinikmati bersama. Gotong-royong untuk menjaga kesihatan dan keselamatan tempat-tempat umum seperti masjid, surau, balairaya, kelas tadika dan lain-lain diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Aktiviti-aktiviti seperti ini dilakukan bersama-sama dengan kaum bapa, memandangkan tugas ini berkemungkinan tidak mampu dilakukan oleh kaum wanita sahaja.

PWPK juga mengadakan lawatan sambil belajar bagi ahli-ahlinya ke tempat yang dapat meninggalkan kesan baik kepada mereka. Di antara kesan-kesan baik itu ialah menambahkan pengetahuan, meninggikan keagamaan untuk menjayakan sesuatu usaha, mengubah sikap terhadap sesuatu amalan, idea dan teknologi serta meluaskan pengalaman.

Sebagai contoh, PWPK Kampung Pengkalan Berangan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Wisma RISDA di-Kampung Durian Burung, Kuala Trengganu pada bulan Mac, 1981 selama dua minggu. Di sini berbagai-bagai pengetahuan diajar seperti memasak, menjahit, asuhan rohani dan sebagainya.

Dari segi seksi rumahtangga pula, objektifnya ialah untuk mengatur peluang-peluang belajar bagi ahli-ahli dalam semua aspek kemahiran urusan rumahtangga. Kelas masakan diadakan dengan mempunyai empat tujuan:

- (1) Untuk meninggikan taraf pemakanan keluarga ahli.
- (2) Untuk menjimatkan perbelanjaan makanan.
- (3) Untuk menggalakkan penggunaan bahan-bahan makanan tempatan.
- (4) Untuk menyediakan makanan yang menyelerakan dan berbagai jenis.

Ini bermakna bahawa semua jenis makanan yang diajar memenuhi sekurang-kurangnya salah satu daripada tujuan tersebut.

Dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh PWPK ini maka kaum wanita tidaklah hanya tertumpu pada aktiviti-aktiviti di dalam rumahtangga sahaja, tetapi juga di luar rumahtangga dimana mereka bukan sahaja dapat menambahkan ilmu pengetahuan tetapi juga berinteraksi di antara satu dengan lain di samping bertukar-tukar fikiran di dalam semua aspek. Jadual di bawah menunjukkan sejauh manakah kegiatan kaum wanita dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PWPK.

JADUAL X

KEGIATAN SOSIAL	BILANGAN RESPONDEN	%
AHLI BIASA	24	36.89
AJK	2	4.34
SETIAUSAHA	1	2.17
BENDAHARI	2	4.34
TIDAK BERGIAT	17	36.89
JUMLAH	46	100

PERATUS RESPONDEN YANG BERGIATDI ALAM PWPK

Dari jadual di atas kita dapati iaitu seramai dua puluh empat orang responden terlibat dalam PWPK sebagai ahli biasa iaitu berdaftar sebagai ahli yang menganggotai PWPK tanpa jawatan sebagai AJK, seorang sebagai setiausaha dan dua orang sebagai bendahari. Sementara itu seramai tujuh belas orang responden yang tidak bergiat langsung disebabkan oleh tidak ada masa lapang untuk menceburkan diri dalam aktiviti PWPK kerana sibuk dengan urusan rumah tangga. Ada juga yang mengatakan suami mereka tidak membenarkan menyertainya kerana takut mereka akan mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang isteri. Setengahnya pula memberi jawapan bahawa mereka tidak ada minat langsung untuk menyertainya. Ada juga di antara responden yang mengatakan mereka tidak tahu yang aktiviti-aktiviti seperti ini diadakan di kampung mereka. Ini disebabkan mereka kurang mengikuti perkembangan yang berlaku.

KEMAS juga menganjurkan aktiviti sosial untuk penduduk Kampung Pengkalan Berangan. Di antara kegiatan-kegiatan tersebut ialah aktiviti jahitan, masakan dan tadika. Di Kampung Pengkalan Berangan, kelas jahitan ini diajar oleh seorang guru perempuan yang bernama Cik Wan Khadijah binti Jusoh. Setakat ini bilangan ahlinya seramai dua puluh empat orang. Kelas ini diadakan pada tiap-tiap hari Isnin, Rabu dan Khamis. Sebagai elaun bulanan pihak KEMAS telah memberi \$345 sebulan kepada guru yang mengajar Peserta-peserta diajar cara-cara memotong dan menjahit baju. Baju mereka sendiri dan juga baju anak-anak mereka tidak lagi dihantar ke kedai. Mereka juga diajar memotong dan menjahit baju lelaki. Justeru itu kadangkala baju anak-anak lelaki dan juga suami mereka, mereka sendiri yang menjahitnya. Ini bukan sahaja merupakan salah satu cara berjimat bahkan juga dapat menambahkan pendapatan di samping meluaskan pengetahuan. Sambutan dari kaum wanita sangat memuaskan iaitu tiga puluh sembilan orang daripada responden.

Kelas masakan juga diajar kepada penduduk-penduduk Kampung Pengkalan Berangan oleh seorang guru KEMAS yang bernama Fatimah bte. Muda. Kelas masakan ini diadakan di-dewan yang didirikan oleh pihak RISDA dan juga di rumah-rumah peserta secara bergilir-gilir. Peserta diajar berbagai-bagai jenis kueh-muih dan lauk-pauk samada merupakan kueh tempatan ataupun moden. Sambutan yang diberi oleh peserta sangatlah menggalakkan iaitu 84.6% daripada responden. Setakat ini ahli-ahli yang menyertainya ialah seramai tiga puluh sembilan orang. Persatuan

Ekonomi Rumah tangga ini tidak sanyu dari mendapat tempahan daripada penduduk kampung terutamanya semasa perayaan hari raya dan juga hari keramaian di kampung-kampung dan juga ketika majlis kenduri kahwin diadakan. Satu lagi aktiviti yang diadakan oleh pihak KEMAS ialah Kelas Tadika. Walaubagaimanapun kelas ini kurang mendapat sambutan dari penduduk kampung. Setakat ini bilangan muridnya hanyalah seramai sepuluh orang sahaja. Ini mungkin disebabkan oleh penduduk kampung yang belum lagi mengetahui dengan lebih mendalam tentang apakah itu tadika, lagipun penduduk kampung ini tidak begitu mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Mereka lebih mementingkan makan minum daripada pelajaran. Walaubagaimanapun terdapat juga penduduk-penduduk kampung yang sedar tentang pentingnya pelajaran bagi anak-anak mereka pada masa yang akan datang.

Akhir sekali ialah pertubuhan-pertubuhan yang diadakan oleh penduduk-penduduk kampung itu sendiri iaitu kelas agama. Selalunya pertubuhan agama ini disertai oleh golongan yang berumur tiga puluh tahun ke atas. Golongan muda nampaknya kurang mengambil berat terhadap aktiviti-aktiviti sosial yang lain seperti PMPK dan KEMAS. Ceramah-ceramah agama ini diadakan di surau pada tiap-tiap hari Jumaat. Walaupun penyertaan dari kaum muda kurang menggalakkan tetapi penyertaan mereka yang berumur sudah memadai kerana bilangannya melebihi daripada separuh. Ini menunjukkan yang agama itu memainkan peranan penting di kampung walaupun kampung itu telah diresapi oleh pengaruh-pengaruh dari luar. Jadual di bawah menunjukkan penyertaan responden di dalam aktiviti sosial yang dianjurkan oleh PMPK, KEMAS dan pertubuhan yang ditubuhkan oleh penduduk kampung.

JADUAL XI

JENIS PERTUBUHAN	BILANGAN PESERTA	%
PWPK	29	62.93
KEMAS	39	84.63
PERTUBUHAN UGAMA	27	56.59

PERATUS PENYERTAAN RESPONDEN

DALAM AKTIVITI SOSIAL

Dari jadual di atas kita dapati responden lebih cenderung kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak KEMAS iaitu seramai 84.6% (84.63%) yang menyertainya jika dibandingkan dengan kegiatan yang dianjurkan oleh PWPK iaitu seramai 62.9% (62.93%) dan pertubuhan agama seramai 56.6% (56.59%). Ini disebabkan oleh pihak KEMAS mempunyai guru yang cekap untuk mengajar peserta-peserta baik di bidang jahitan mahupun masakan. Lagipun masa yang ditetapkan oleh pihak KEMAS itu membolehkan peserta-peserta menyertainya. Tapi ini bukanlah bermakna aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak RISDA itu tidak sistematik. Sebenarnya aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu kadangkala tidak menepati masa yang dijanjikan. Ini membuat peserta-peserta menunggu-nunggu guru yang akan datang mengajar. Kejadian ini menyebabkan peserta tawar hati dan lebih memfokuskan pada aktiviti yang dianjurkan oleh pihak KEMAS. Sementara pertubuhan agama pula peratusnya berkurangan kerana wanita muda lebih menitik beratkan soal rumah tangga daripada ceramah-ceramah agama yang diadakan.

Sebagai kesimpulan boleh dikatakan iaitu wanita bukan hanya setakat berfungsi di ceruk dapur sahaja malahan juga di luar daripada rumahtangga. Mereka ini berfungsi bagi mencedok ilmu pengetahuan untuk kebaikan keluarga mereka amnya.

FAKTOR YANG MEMBOLEHKAN DAN MENGHALANG WANITA
TERLIBAT DALAM AKTIVITI EKONOMI DAN SOSIAL.

(1) UMUR

Kedua senas menyebabkan lebih ramai wanita yang berumur tiga puluh lima tahun ke atas bekerja di luar rumah. Ini berdasarkan pada kajian yang telah dijalankan oleh Kreps (1976) di Amerika Syarikat. Di Kampung Pengkalan Berangan didapati mereka yang aktif menjalankan kegiatan di luar rumah terdiri daripada mereka yang berumur lebih dari tiga puluh lima tahun. Walaubagaimanapun ini tidaklah bererti yang wanita berumur kurang dari tiga puluh lima tahun tidak menjalankan kerja-kerja luar. Malah setengah daripada mereka lebih aktif daripada mereka yang berumur lebih dari tiga puluh lima tahun.

Bagi wanita muda mereka menjalankan kegiatan luar setelah selesai menguruskan kerja-kerja rumah. Ramai daripada wanita muda ini dibantu oleh ahli-ahli keluarga mereka dalam menguruskan rumahtangga, terutama dalam hal menjaga anak-anak. Oleh itu ini memberi peluang kepada mereka untuk mencoburkan diri dalam kegiatan ekonomi. Bagi wanita yang berumur lebih dari tiga puluh lima tahun, biasanya mereka tidak lagi begitu sibuk mendidik dan mengasuh anak-anak kerana mereka sudah dewasa dan tidak lagi memerlukan perhatian dan asuhan yang dewasa dan tidak lagi memerlukan perhatian

dan asuhan yang begitu rapi. Mereka berkahwin ketika berumur empat belas atau lima belas tahun. Oleh itu ketika umur mereka meningkat tiga puluh lima tahun ke atas anak-anak mereka telahpun dewasa.

Jadi masa yang terluang ini memberi peluang kepada mereka untuk mencoburkan diri dalam kegiatan ekonomi. Dengan ini kaum wanita bukan sahaja membantu menambahkan pendapatan keluarga tetapi mereka juga telah menggunakan masa yang terluang itu dengan lebih baik dan berkesan.

Wanita muda yang berumur kurang dari tiga puluh lima tahun lebih cenderung menyertai aktiviti-aktiviti sosial seperti kelas masakan, jahitan, anyaman, seksi kemasyarakatan, seksi kesihatan dan sebagainya. Sementara itu golongan wanita yang berumur lebih daripada tiga puluh lima tahun lebih cenderung menganggotai aktiviti agama yang diadakan di surau-suru yang terdapat di kampung mereka. Secara keseluruhannya didapati umur tidak menghalang seseorang itu untuk menyertai aktiviti sosial. Yang berbeza ialah kadar penglibatan mereka sahaja.

Faktor umur ini juga sebaliknya mempunyai implikasi yang negatif. 75% daripada tenaga kerja wanita terdiri daripada mereka yang berumur lebih dari tiga puluh lima tahun. Mereka yang berumur kurang dari tiga puluh lima tahun lebih menumpukan perhatian kepada peranan ideal mereka iaitu sebagai suri rumah tangga sepenuh masa. Ini juga ada kaitannya dengan saiz

keluarga seseorang responden itu. Biasanya responden responden yang berumur kurang dari tiga puluh lima tahun ini mempunyai anak-anak yang masih kecil lagi yang memerlukan penjagaan yang begitu rapi. Hal ini mengurangkan atau menghadkan penglibatan mereka di dalam aktiviti ekonomi dan juga sosial.

(ii) TARAF PERKAHWINAN

Responden yang bergiat di dalam lapangan ekonomi dan sosial merupakan suri rumahtangga dan anak-anak gadis. Bagaimanapun penyertaan responden di dalam bidang sosial kurang memuaskan iaitu 75% sahaja jika dibandingkan dengan 95% yang menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi. Kurangnya bilangan responden yang menyertainya iaitu di bidang sosial kerana beberapa sebab seperti tidak ada masa disebabkan sibuk dengan urusan rumahtangga, tidak tahu yang kegiatan itu diadakan kerana kurang mengikuti perkembangan yang berlaku di kampung dan ada juga setengah daripada mereka yang dilarang oleh suami mereka untuk menyertainya kerana takut nanti tugas rumahtangga akan diabaikan. Kebanyakan daripada responden yang menyertai di dalam lapangan ekonomi dan sosial ialah mereka yang mendapat galakan daripada suami bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pendapatan suami.

(111) BILANGAN ANAK

Bilangan anak merupakan salah satu faktor yang utama dalam menentukan penyertaan wanita di dalam bidang ekonomi dan sosial. Seperti yang disarankan oleh Laws (1979:18)

'Numerosity and youth of children predict non-participation'.

Di Kampung Pengkalan Berangan, wanita yang bergiat cergas di dalam lapangan sosial dan ekonomi terutamanya adalah mereka yang mempunyai bilangan anak yang kecil ataupun anak-anak yang telah dewasa.

Terdapat 75% daripada responden melibatkan diri dalam bidang sosial sementara 95% dalam bidang ekonomi. Namun begitu terdapat 'overlapping' di antara responden-responden iaitu ada di kalangan mereka yang bergiat di dalam kedua-dua lapangan tersebut sekali gus. Penglibatan kaum wanita dalam bidang sosial agak kecil disebabkan terdapatnya banyak keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai dan masih kecil. Lima belas orang daripada responden mempunyai bilangan anak yang melebihi daripada lima orang. Oleh itu mereka tidak mempunyai begitu banyak masa lapang untuk bergiat di dalam bidang sosial.

Walaupun bilangan anak yang ramai ini juga boleh menjadi faktor yang mendorong kaum wanita bekerja, samada secara sambilan atau sepenuh masa. Ini disebabkan apabila mempunyai bilangan anak yang ramai dan pendapatan suami pula tidak mencukupi, mendorong kaum wanita menyertai kegiatan ekonomi bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Dari aspek lain pula, bilangan anak yang ramai dan yang telah besar atau dewasa boleh juga membantu keluarga. Misalnya anak perempuan dapat mengambil alih peranan ibu semasa ibu mereka bekerja. Mereka yang bekerja pula dapat membantu secara kewangan. Tetapi dalam hal ini, hanya 10% sahaja daripada responden yang menerima bantuan kewangan daripada anak-anak mereka yang telah bekerja. Mereka ini menerima di antara \$50 - \$100 sebulan.

(iv) PENDAPATAN SUAMI

Menurut Laws (1979:17)

'..... husband's earning is a definite factor or predictor as to whether a wife is employed. The lower the husband's earnings the more likely it is that the wife will be employed'.

Hakikat ini ternyata sekali di kalangan responden. Ramai daripada para suami yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$400 sebulan. Oleh itu responden-responden merasakan adalah patut bagi mereka

turut membantu suami mereka untuk menambahkan pendapatan keluarga. Dalam jadual di bawah ini diperturunkan pendapatan bulanan suami-suami responden yang terlibat di dalam bidang ekonomi.

JADUAL XIX

*duplicate of
Jadual XVIII
pg 37.*

PENDAPATAN SUAMI	BILANGAN SUAMI	%
KURANG DARIPADA 100	14	30.38
100 - 1500	4	8.68
151 - 200	11	23.87
201 - 250	1	2.17
251 - 300	9	19.53
301 - 350	2	4.34
351 - 400	5	10.85
JUMLAH	46	100

ODAPA

PENDAPATAN BULANAN SUAMI DAN

KAITANNYA DENGAN PENGLIBATAN RESPONDEN DALAM BIDANG EKONOMI

Dari jadual di atas didapati 42.4% daripada responden yang terlibat mempunyai suami yang berpendapatan kurang daripada \$100 sebulan. Tidak terdapat seorang pun daripada responden yang pendapatan suaminya melebihi daripada \$250 sebulan. Ini menunjukkan lebih ramai responden melibatkan diri di dalam bidang ekonomi bila pendapatan suami mereka rendah dan tidak cukup untuk menampung bilangan keluarga yang ramai. Wanita yang tergolong di dalam kategori ini adalah wanita yang bekerja sebagai pekerja sambilan ataupun sebagai pekerja yang bergaji, selain daripada melaksanakan tugas-tugas harian mereka. Namun begitu terdapat juga para isteri yang tidak bergiat di dalam lapangan ekonomi dan sosial kerana dihalang oleh suami mereka. Bagi mereka, tugas seorang isteri ialah menguruskan rumahtangga dan bukan keluar rumah untuk mencari nafkah hidup.

Dengan ini boleh dikatakan iaitu terdapat 'overlapping' di antara faktor-faktor yang menentukan penyertaan dan penglibatan wanita di dalam bidang ekonomi dan sosial. 'Overlapping' disini dimaksudkan iaitu terdapatnya faktor yang pada masa yang sama bertindak sebagai faktor positif dan negatif. Misalnya faktor umur dan bilangan anak. Responden yang separuh umur didapati bergiat cergas di dalam bidang ekonomi dan sosial, cuma corak penglibatan mereka sahaja yang berlainan. Misalnya kaum wanita yang

berumur, lebih berminat dalam bidang keagamaan manakala golongan muda pula lebih pada aspek-aspek urusan rumah tangga. Dari segi faktor bilangan anak, responden-responen yang mempunyai bilangan anak yang ramai yang telah dewasa memberi peluang kepada mereka untuk bergiat di dalam bidang ekonomi dan sosial.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian yang dilakukan, maka dapatlah dikatakan iaitu:-

- (1) Penglibatan kaum wanita di dalam bidang ekonomi yang mendatangkan keuntungan ataupun semata-mata membantu suami seperti pertanian, perusahaan rumahan dan juga pekerjaan buruhan,
- (2) Penglibatan kaum wanita di dalam bidang sosial seperti persatuan, keagamaan dan juga urusan rumahtangga untuk menambahkan pengetahuan dan meluaskan pergaulan,
- (3) Kaum wanita juga memainkan peranan sebagai suri rumahtangga sahaja,

Kegiatan ini melambangkan kepentingan wanita samada di dalam mahupun di luar rumahtangga mereka. Penyertaan kaum wanita dalam masyarakat juga boleh memperbaiki sedikit sebanyaknya taraf hidup serta keluarga mereka.

Pergantungan ekonomi rumahtangga semata-mata pada pendapatan hasil padi dan getah tidak mencukupi. Oleh itu mereka melibatkan diri di dalam aktiviti seperti berniaga, membuat kueh-muih, menganyam, menternak dan menanam sayur-sayuran. Aktiviti-aktiviti ini dikerjakan samada bersama-sama dengan anggota keluarga, jiran ataupun secara

perseorangan. Pendapat responden ini membolehkan mereka membeli barang-barang yang disifatkan sebagai barang-barang mewah. Dari segi sosial, penglibatan kaum wanita tidaklah begitu aktif jika dibandingkan dengan penglibatan mereka di dalam bidang ekonomi. Faktor-faktor yang membolehkan mereka memainkan peranan yang agak aktif baik dalam bidang ekonomi mahupun sosial ialah umur, taraf perkahwinan, saiz famili dan pendapatan suami.

Penglibatan wanita dalam bidang ekonomi terdiri dari berbagai-bagai peringkat iaitu dari peringkat muda hinggalah ke peringkat yang berumur. Begitu juga dari segi penyertaan sosial mereka, umur tidak menjadi halangan untuk mereka bergiat di dalam lapangan tersebut. Yang berbeza ialah kadar penglibatan mereka sahaja.

Mengenai taraf perkahwinan, tidak semua responden yang bergiat dalam lapangan ekonomi dan sosial merupakan suri rumah-tangga. Terdapat juga anak gadis yang menyertainya.

Faktor saiz famili seseorang responden itu juga memainkan peranan penting dalam menentukan aktif atau tidaknya mereka itu. Wanita yang bergiat cergas dalam lapangan sosial dan ekonomi terutamanya, adalah mereka yang mempunyai bilangan anak yang kecil ataupun anak-anak yang telah dewasa.

Penglibatan seseorang responden di dalam kegiatan ekonomi juga ditentukan oleh pendapatan suami. Kebanyakan daripada responden yang melibatkan diri di dalam bidang ekonomi disebabkan oleh pendapatan suami yang rendah. Dengan cara ini boleh mengurangkan beban suami. Dari segi sosial, pendapatan suami

tidak memainkan faktor penting. Yang penting ialah minat seseorang responden itu dan juga keluangan masa yang terdapat.

Walaupun terdapat kaum wanita yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti luar, samada dari segi sosial ataupun ekonomi, namun begitu terdapat juga kaum wanita yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti luar, samada dari segi sosial ataupun ekonomi, namun begitu terdapat juga kaum wanita yang hanya memainkan peranan di dalam lingkungan keluarga dan rumahtangga mereka sahaja. Yang menghalang mereka daripada bergiat ialah saiz famili dan juga tidak mendapat keizinan daripada pihak suami. Bagi anak-anak gadis pula, mereka mendapat halangan daripada bapa mereka kerana bimbang anak-anak gadis mereka ini akan berkawan dengan mereka yang tidak bermoral.

Namun begitu terdapat juga wanita yang bekerja selain daripada menjadi suri rumahtangga. Tetapi penglibatan mereka adalah secara sambilan sahaja. Walaupun mereka bekerja tetapi pekerjaan mereka itu tidak mendatangkan keuntungan dari segi kewangan kerana mereka bekerja sekadar menolong suami mereka sahaja. Di samping itu terdapat juga kaum wanita yang bekerja untuk mendapat hasil dari segi kewangan.

Seperti yang telah dinyatakan iaitu disamping menjalankan kerja-kerja sambilan, kaum wanita dan anak-anak gadis juga menjalankan kerja-kerja yang mendatangkan pendapatan. Dengan pendapatan yang diperolehi ini akan memberi kebebasan kepada pemiliknya untuk berbelanja sesuka hati mereka. Mereka juga akan merasa lebih terjamin kehidupan masa depan mereka jika ditinggalkan oleh suami mereka. Di samping itu mereka juga tidak akan dipandang rendah oleh suami mereka jika dibandingkan

dengan setengah-setengah isteri yang tidak bekerja. Bagi anak-anak gadis pula, mereka tidak akan menyusahkan keluarga mereka untuk berbelanja. Mereka bebas berbelanja apa saja tanpa mengganggu perbelanjaan harian keluarga. Jika tidak mempunyai sebarang pekerjaan, mereka hanya sekadar berbelanja apa yang diperuntukkan oleh keluarga mereka sahaja. Begitu juga dari segi simpanan. Mereka mempunyai hak untuk membuka kira-kira simpanan di atas nama mereka sendiri.

Dari segi keputusan di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pertanian, penanam modal, pengeluaran dan pemasaran, mereka suami isteri sama-sama menentukannya. Ini memandang yang mereka sama-sama bekerja dan rasa tanggungjawab terhadap sesuatu perkara itu patut mereka tanggung bersama.

Di dalam kajian, pengkaji dapati kurangnya motivasi dan inisiatif di kalangan penduduk untuk mengubah keadaan dan cara hidup mereka. Mereka banyak berserah kepada nasib dan takdir. Lagipun tanah-tanah sawah dan getah yang dikerjakan itu tidaklah begitu luas. Malahan ada di antara mereka yang hanya sekadar mengambil upah mengerjakan tanah padi atau getah kerana tidak mempunyai tanah sendiri. Terdapat juga tanah-tanah yang dikerjakan itu berjenis T.O.L. Oleh itu mereka mengerjakan tanah itu sambil lewa sahaja dan berpendapat bahawa tidak ada gunanya tanah-tanah itu dibuka secara besar-besaran kerana bukan hak milik mereka.

Penghalang yang tidak kurang pentingnya yang menyekat penglibatan wanita di dalam kerja-kerja luar yang mendatangkan keuntungan kewangan ialah tidak terdapatnya apa-apa corek perusahaan atau perkilangan dari segi 'commercial' di kawasan kajian ini. Walaupun terdapat bekalan letrik tetapi bekalan air paip masih lagi tidak dibekalkan. Oleh itu ianya tidak menarik minat pengusaha-pengusaha untuk mendirikan kilang-kilang mereka.

Kesimpulannya kaum wanita haruslah melibatkan diri samada dalam bidang ekonomi ataupun sosial bagi menyedarkan penduduk-penduduk kampung amnya dan kaum wanita khasnya.

BIBLIOGRAPHY

- (1) Bryant, Clifton D. (ed). The social Dimensions of Work. Prentice-Hall Inc., New Jersey, 1972.
- (2) Cohan, Percy S. Modern Social Theory. Heinemann Educational Books, London, 1968.
- (3) Festinger, I & Katz, D. Research Methods in The Behavioral Sciences, Holt, Rinehart and Winston Inc., U.S.A. 1953.
- (4) Friedel Ernestine, Women and Men. An anthropologist View Holt, Rinehart and Winston, New York, 1975.
- (5) Goode, W & Halc P. Methods in Social Research, Mc Graw Hill Book Co., New York, 1952.
- (6) Koentjaraningrat, Manyarakat Desa di Indonesia Masa Ini. Yayasan Badan Penerbitan Fakultas Ekonomi, Universiti Indonesia, 1964.
- (7) Laws. Judith Long, The Second X: Sex Roles And Social Role Elseiner North Holland Inc. New York. 1979.
- (8) Seltiz, Claire, Research Methods in Social Relation. Revised one-volume edition, New York, 1959.
- (9) Seward, G.H. and Williamson, R.C. (eds), Sex Roles In Changing Society, Random House Inc. New York, 1979.
- (10) Tilgher, Aditiano, Home Faber: Work Through The Ages. Henry Regnery Co-Chicago, 1958.

- (11) Young, Pauline, Scientific Social Surveys And Research
4th. Edition, New Delhi, 1973.

TESIS

- (1) Khadijah Hj. Muhammad, Wanita Dan Pekerjaan, disertasi
M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969.

KERTAS PROJEK

- (1) Darling, Martha, The role of Woman in the Economy
Organization for Economic Cooperation and Development,
France, 1975.
- (2) Goodwin, Leonard, Do the poor want to work. A social-
Psychological Study of Work Orientation, The Bookings
Institute, Washington D.C. 1972.